



KENYATAAN MEDIA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PAHANG

PEKERJA KILANG SAWIT MAUT AKIBAT TERSEPIT DIBAWAH MINI TRAKTOR

Kuantan, 25 Julai – Seorang pekerja warganegara Bangladesh maut dihimpit oleh mini traktor selepas kenderaan yang dipandunya terbalik dan tersangkut pada tebing gaung. Insiden kemalangan tersebut telah berlaku pada 22 Julai 2018 jam 8.15 pagi. Kes kemalangan maut tersebut telah dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Pahang pada 23 Julai 2018. Susulan itu, sepasukan pengawai penyiasat dari JKKP Pahang telah menjalankan siasatan pada 24 Julai 2018.

Menurut mandur kilang tersebut, beliau melihat mangsa melalui kawasan tersebut bersama mini traktor serta trailer mengisi buah yang masih kosong dan tiada buah sawit yang diangkut. Lebih kurang 15 min kemudian, beliau mendengar bunyi enjin traktor yang ditekan minyak sangat kuat dan tiba – tiba bunyi itu hilang. Beliau telah pergi lebih dekat dan melihat mangsa telah tersepit dibawah mini traktor. Beliau bergegas ke pejabat pengurusan untuk memaklumkan kejadian tersebut. Pihak pengurusan telah menghubungi pihak bomba dan polis bagi mengeluarkan mangsa. Mangsa disahkan meninggal dunia dan mayat mangsa telah dibawa ke Hospital Muadzam Shah untuk bedah siasat.

Jabatan ini telah mengeluarkan satu Larangan Mengganggu dibawah Peraturan 9, Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004. Siasatan lanjut akan diteruskan bagi mengenalpasti punca sebenar kemalangan. Pihak majikan juga diarahkan agar tidak mengganggu jentera tersebut.

JKKP sentiasa memandang serius setiap kemalangan yang berlaku terutamanya yang melibatkan pekerja, orang awam dan harta benda. Pihak majikan serta pengusaha industri disarankan agar lebih bertanggungjawab dalam aspek keselamatan dan kesihatan dan tidak hanya mementingkan keuntungan perniagaan semata-mata.

Tamat

Tarikh siaran : 25 Julai 2018

Dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pahang